

## Terma-Terma dan Syarat-Syarat

### Kempen CIMB BANK “Memohon& Mendapatkan Ganjaran Tunai untuk Permohonan Kad Kredit II”

#### Tempoh Kempen

1. Kempen CIMB Bank "Memohon & Mendapatkan Ganjaran Tunai untuk Permohonan Kad Kredit II" ("**Kempen ini**") dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) ("**CIMB Bank**") dan akan berlangsung dari 1 Ogos hingga 31 Oktober 2018, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**").
2. CIMB Bank menyimpan hak sebaik sahaja memberi notis terlebih dahulu empat belas (14) hari untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen.

#### Kelayakan

Kempen ini dibuka secara eksklusif kepada Pemohon “Baru-kepada-Kad” (pelanggan yang tidak memiliki kad kredit yang dikeluarkan oleh CIMB Bank) yang memohon kad kredit utama CIMB Bank yang dikeluarkan oleh CIMB Bank, (tidak termasuk *CIMB Bank Business Cards, Affinity Cards* dan *Partner Cards*) melalui laman web CIMB Bank ("[www.cimbbank.com.my/](http://www.cimbbank.com.my/)"), CIMB Clicks, Mesin Teler Automatik CIMB Bank ("**CIMB ATM**") dan Pusat Perhubungan Pelanggan CIMB Bank ("**Inbound**") sepanjang Tempoh Kempen ("**Pemohon**");

Kategori-Kategori /entiti-entiti berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini: -

- (i) Kakitangan-Kakitangan atau pekerja-pekerja tetap dan/atau sementara CIMB Bank (termasuk anak-anak syarikatnya dan syarikat-syarikat yang berkaitan) dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami isteri, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik); dan/atau
- (ii) Wakil-wakil dan/atau ejen-ejen (termasuk ejen pengiklanan dan kempen, penjual dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga) CIMB Bank (termasuk anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat yang berkaitan) dan kakitangan-kakitangan atau pekerja-pekerja tetap dan/atau kontrak mereka dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami isteri, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik); dan/atau
- (iii) Entiti-entiti bukan individu termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilik tunggal, perkongsian, organisasi/persatuan-persatuan kebajikan/bukan keuntungan, pelanggan-pelanggan korporat dan komersial, syarikat-syarikat tersenarai awam, syarikat-syarikat sendirian berhad, kelab-kelab, persatuan-persatuan dan koperasi-koperasi; dan/atau
- (iv) Pemegang kad kredit utama CIMB Bank yang sedia ada; dan/atau
- (v) Pelanggan yang telah membatalkan kad kredit utama CIMB Bank dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh kelulusan kad kredit utama CIMB Bank yang baru dipohon sepanjang Tempoh Kempen;

- (vi) Individu di bawah umur 21 tahun pada masa permohonan.
4. Hanya pemegang kad utama (dan bukan pemegang kad tambahan) layak menyertai Kempen ini.
  5. CIMB Bank menyimpan hak untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan kad kredit dan/atau meminta apa-apa dokumen sokongan selanjutnya sebagaimana yang dianggap patut. Untuk mengelakkan keraguan, CIMB Bank mempunyai budi bicara tunggal dan mutlak untuk menentukan sama ada dokumen sokongan adalah mencukupi/memadai untuk tujuan memproses permohonan kad kredit yang dikemukakan kepada CIMB Bank.

### Mekanisme Kempen

6. Pemohon-Pemohon adalah berhak kepada ("**Pulangan Tunai**") jika
    - (i) Pemohon mengemukakan permohonan untuk mana-mana kad kredit utama CIMB Bank melalui mana-mana saluran berikut: Laman Web CIMB Bank, CIMB Clicks, CIMB ATM dan Inbound semasa Tempoh Kempen DAN
    - (ii) Kad kredit utama mestilah diluluskan oleh CIMB Bank sebelum 21 November 2018 dan kad kredit mesti diaktifkan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Kelulusan Kad; DAN
    - (iii) a) Tahap 1: Pemohon memperolehi Perbelanjaan Runcit Kumulatif Yang Layak minimum (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausula 8 Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini) sebanyak RM800 ("**Perbelanjaan Runcit Kumulatif Minimum Yang Layak**") dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Kelulusan Kad; atau
      - b) Tahap 2: Pemohon memperolehi Perbelanjaan Runcit Kumulatif Yang Layak minimum (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausula 8 Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini) sebanyak RM2,000 ("**Perbelanjaan Runcit Kumulatif Minimum Yang Layak**") dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Kelulusan Kad.
- Selanjutnya secara kolektif dirujuk sebagai "**Peserta Yang Layak**".
7. Pulangan Tunai untuk diberikan kepada Peserta Yang Layak ditentukan berdasarkan saluran yang digunakan oleh Pemohon untuk permohonan kad kredit utama CIMB Bank semasa Tempoh Kempen dan saluran permohonan adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah Pulangan Tunai dan dengan syarat sentiasa bahawa Pemohon memenuhi Kriteria Kelayakan:

Saluran	Tahap Kempen	Ganjaran Kempen	Pemohonan telah selesai dan dihantar melalui Saluran Dalam Talian
CIMB Clicks; Laman web CIMB Bank; CIMB ATM; Inbound	Tahap 1: Perbelanjaan Runcit Kumulatif Minimum Yang Layak sebanyak RM800	Pulangan Tunai RM50 (" <b>Pulangan Tunai</b> ")	Pulangan Tunai RM50 + Kad Hadiah Petronas RM50 (" <b>Hadiah</b> ")
	Tier 2: Perbelanjaan Runcit Kumulatif Minimum Yang Layak sebanyak RM2,000	Pulangan Tunai RM150	Pulangan Tunai RM150 + Kad Hadiah Petronas RM50

Untuk tujuan penjelasan, aplikasi yang disempurnakan dan diserahkan melalui Saluran Dalam Talian merujuk kepada permohonan lengkap kad kredit utama CIMB Bank oleh Pemohon termasuk memuat naik dokumen sokongan, iaitu dokumen pendapatan melalui CIMB Clicks dan/atau Laman Web CIMB Bank.

8. "Perbelanjaan Runcit Kumulatif Yang Layak" yang dinyatakan dalam Klausa 6 di atas merujuk kepada perbelanjaan daripada satu kad utama sahaja; termasuk transaksi pembelian untuk barangan dan perkhidmatan termasuk pembelian dalam talian untuk barang dan perkhidmatan dan ditanggung untuk kegunaan peribadi dan tidak harus termasuk transaksi pertaruhan atau perjudian.
9. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi-transaksi berikut juga dinyatakan secara nyata tidak termasuk dan tidak harus dianggap sebagai "Perbelanjaan Runcit Kumulatif Yang Layak": -
  - (i) Transaksi Quasi Tunai - (contoh: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
  - (ii) Ansuran bulanan di bawah sebarang kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB Bank atau mana-mana institusi kewangan atau pindahan dana daripada Institusi Kewangan lain;
  - (iii) Bayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau sebarang fi, caj atau penalti sama ada yang dikenakan oleh CIMB Bank atau sebaliknya;
  - (iv) Transaksi pendahuluan tunai /pengeluaran/deposit;
  - (v) Transaksi yang dilaksanakan oleh Peserta Yang Layak dengan mana-mana peniaga yang berkaitan dengan atau dikendalikan olehnya atau mana-mana ahli keluarga terdekatnya (sama ada sebagai pekerja, majikan, pemegang saham atau pengarah), iaitu transaksi oleh Peserta Yang Layak dengan mana-mana syarikat atau entiti perniagaan di mana dia dan/atau mana-mana ahli keluarganya adalah pekerja atau majikan, atau bekerja dengan, atau mempunyai saham atau kepentingan dalam, atau adalah pengarah; dan
  - (vi) Perbelanjaan Runcit Kumulatif Yang Layak yang kemudiannya dibatalkan atau dikembalikan, atau sebarang transaksi-transaksi lain yang dipertikaikan, tidak dibenarkan atau penipuan.
10. Semua transaksi Perbelanjaan Runcit Kumulatif Yang Layak akan dijejaki secara automatik oleh CIMB Bank bagi tujuan memenuhi Perbelanjaan Runcit Kumulatif Minimum Yang Layak dan berdasarkan pada tarikh transaksi dan/atau masa (Waktu Malaysia) yang direkod oleh rekod transaksi CIMB Bank semasa Tempoh Kempen. Mana-mana penentuan oleh CIMB Bank tentang apa yang merupakan Perbelanjaan Runcit Kumulatif Yang Layak adalah konklusif dan tidak akan dicabar dengan apa jua cara melainkan yang sama menjadi tidak adil.
11. CIMB Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan dalam pengeposan Perbelanjaan Runcit Kumulatif Yang Layak kepada akaun kad kredit Peserta Yang Layak dan/atau kesilapan atau peninggalan dalam pengeposan yang sama disebabkan oleh apa jua sebab dan bagaimana pun timbul termasuk tetapi tidak terhad kepada kelewatan di pihak peniaga melainkan perkara yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau dan/atau kegagalan CIMB Bank. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa, MasterCard, pertubuhan peniaga atau mana-mana pihak lain kecuali yang sama disebabkan oleh kecuaiian melampau atau kegagalan CIMB Bank.

#### **Pulangan Tunai/Hadiah**

12. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke akaun Kad CIMB Bank Peserta Yang Layak ("**Akaun CIMB**") dalam tempoh dua belas (12) ke empat belas (14) minggu dari ketamatan Kempen. Peserta Yang Layak akan menerima notifikasi Pulangan Tunai, jika ada, melalui penyata kad kredit masing-masing yang berikut selepas tarikh kredit Pulangan Tunai.

13. Akaun Kad CIMB Peserta Yang Layak mesti sah dan mesti berada dalam kedudukan yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB Bank mengikut budi bicaranya untuk layak menyertai semasa dan selepas Kempen dan/atau untuk memenangi Pulangan Tunai/Hadiah. Jika, pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen, Peserta Yang Layak membatalkan Kad CIMB atas apa jua sebab, penyertaannya dalam Kempen menjadi batal dan tidak sah dengan serta merta.
14. Sekiranya mana-mana Pulangan Tunai/Hadiah yang diberikan kepada dan diterima oleh orang yang:
  - a) Bukan Peserta Yang Layak dalam Kempen; atau
  - b) Adalah Peserta Yang Layak tetapi telah melakukan perbuatan penipuan atau yang salah berkaitan dengan Kredit mereka dan/atau sebarang transaksi yang dibuat daripadanya;CIMB Bank menyimpan hak untuk membatalkan kelayakan penyertaan orang tersebut daripada menyertai Kempen.
15. Hadiah di bawah Kempen ini disediakan berdasarkan dasar "sebagaimana adanya" dan tidak boleh dipindahmilik atau boleh ditukar dengan wang tunai atau kredit apa-apa jenis. Jika berkenaan, Hadiah akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat pembekal, pengilang dan/atau peniaga Hadiah yang berkaitan yang terma-terma dan syarat-syarat adalah berasingan daripada terma-terma dan syarat-syarat CIMB Bank yang mengawal Kempen ini.
16. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini, Hadiah sama ada akan dihantar kepada alamat surat-menyurat Peserta Yang Layak berdasarkan rekod CIMB Bank melalui pos atau kepada nombor telefon/ alamat e-mel Peserta Yang Layak berdasarkan rekod CIMB Bank dalam tempoh dua belas (12 ) hingga empat belas (14) minggu selepas berakhirnya Tempoh Kempen. CIMB Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana Peserta Yang Layak untuk menghantar Hadiah kepada mana-mana pihak ketiga.
17. Ia adalah tanggungjawab Peserta Yang Layak untuk memastikan nombor telefon dan alamat surat-menyuratnya yang disediakan adalah semasa dan dikemas kini dalam rekod CIMB Bank untuk penghantaran Hadiah.
18. Akaun kad kredit Peserta Yang Layak mestilah sah dan/atau diaktifkan, MESTI berada dalam kedudukan yang baik dan MESTI TIDAK akan melanggar mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad CIMB dan/atau Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks dan MESTI TIDAK tidak sah, dibatalkan atau ditamatkan dalam takrif CIMB Bank pada masa penghantaran Pulangan Tunai/Hadiah jika tidak Peserta Yang Layak akan hilang kelayakan daripada menerima Pulangan Tunai/Hadiah dan tidak berhak menerima apa-apa pampasan.
19. Bagi mengelakkan keraguan, pemegang kad kredit tambahan tidak berhak mendapat Pulangan Tunai / Hadiah di bawah Kempen ini.
20. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB Bank dengan jelas nyata mengecualikan dan menafikan apa-apa representasi, waranti atau endorsan, tersirat atau secara nyata, bertulis atau lisan, terhadap Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab terhadap Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini. CIMB Bank tidak akan melayan apa-apa aduan yang berkaitan dengan Hadiah.
21. Hadiah ditawarkan dan/atau diperuntukkan semata-mata oleh penjual/pembekal yang berkaitan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh penjual/pembekal tersebut dan CIMB Bank tidak menerima liabiliti (termasuk tanpa terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau bagaimanapun timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya berkaitan dengan Hadiah, walaupun CIMB Bank telah dinasihatkan mengenai

kemungkinan kerugian sedemikian terlebih dahulu, dan semua kerugian sedemikian adalah dikecualikan secara nyata.

22. Dengan menerima atau menerima Pulangan Tunai/Hadiah, Peserta Yang Layak bersetuju untuk memegang CIMB Bank dan sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen masing-masing tidak berbahaya daripada dan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang dialami oleh CIMB Bank dan sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen masing-masing berkaitan dengan penyertaan Peserta Yang Layak dalam Kempen atau penerimaan, penebusan atau penggunaan Pulangan Tunai/Hadiah. Semua risiko, kehilangan atau kerosakan yang berkaitan dengan penggunaan Pulangan Tunai/Hadiah akan diambil alih oleh Peserta Yang Layak.
23. CIMB Bank tidak akan melayan apa-apa aduan yang berkaitan dengan Hadiah yang belum disahkan oleh CIMB Bank dan tidak akan di bawah apa-apa keadaan bahawa kemasukan mana-mana Hadiah dalam Kempen ini dianggap sebagai endorsmen atau cadangan Hadiah oleh CIMB Bank. Liabiliti CIMB Bank berhubung dengan Hadiah hanya untuk membayar harga yang sama kepada penjual/pembekal.
24. Peserta Yang Layak akan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat yang disediakan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB Bank. Notifikasi dan/atau penghantaran Hadiah oleh CIMB Bank akan berdasarkan pada setiap nombor telefon dan alamat surat menyurat Peserta Yang Layak di Malaysia yang dikekalkan dengan CIMB Bank. Penghantaran Hadiah hanya sah untuk alamat surat-menyurat yang berpusat di Malaysia, dan tidak akan sah untuk alamat surat-menyurat yang berdasarkan di luar Malaysia. Bagi Peserta Yang Layak yang tidak mempunyai alamat surat-menyurat di Malaysia, Peserta Yang Layak mesti menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan CIMB di nombor telefon 03-6204 7788 untuk memberitahu CIMB Bank sama ada pengambilan Hadiah dari cawangan CIMB Bank atau penghantaran Hadiah ke alamat surat-menyurat yang diberikan di Malaysia. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang mengalir daripadanya) yang dialami atau untuk sebarang kegagalan untuk memenuhi penghantaran Hadiah sekiranya nombor telefon Peserta Yang Layak dan/atau alamat surat-menyurat dalam rekod CIMB Bank adalah tidak terkini atau betul.
25. Peserta Yang Layak bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB Bank untuk mendedahkan maklumat mereka (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama mereka, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat surat-menyurat dan alamat surat-menyurat elektronik) kepada pengedar/ejen yang dilantik untuk menghantar Hadiah. Hadiah di bawah Kempen ini mungkin berbeza dan tertakluk kepada ketersediaan stok. CIMB Bank menyimpan hak untuk menggantikan mana-mana Hadiah di bawah Kempen ini dengan item yang lain yang samanilai sepanjang Tempoh Kempen.
26. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB Bank dengan jelas tidak mengecualikan dan menafikan apa-apa representasi, waranti, atau endorsmen, nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, berkenaan dengan Hadiah melainkan perkara yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiannya melampaui dan keingkaran sengaja CIMB Bank. Semua risiko, kehilangan, kerosakan dan /atau kecederaan yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah hendaklah diterima/diambil alih oleh Peserta Yang Layak.

#### **Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am**

27. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan juga bersetuju dengan pemprosesan CIMB Bank dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) dan bersetuju bahawa semua keputusan secara adil dan munasabah dibuat oleh CIMB Bank berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Pulangan Tunai/Hadiah yang akan diberikan dan penentuan Peserta Yang Layak, adalah muktamad, mengikat dan konklusif.

28. Kad Kredit Peserta Yang Layak (i) MESTI tidak melanggar terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kad Kredit DAN (ii) MESTI tidak akan ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang lampiran, perintah yang bertentangan ("*adverse order*") yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB Bank semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum mengkreditkan Hadiah, jika tidak Peserta Yang Layak akan hilang kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Pulangan Tunai/Hadiah akan dilucuthakkan.
29. CIMB Bank menyimpan hak atas budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak bahawa ia menentukan mengganggu proses kemasukan, atau bertindak melanggar atau berpotensi melanggar Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
30. CIMB Bank mempunyai hak untuk menggantikan Pulangan Tunai/Hadiah dengan item lain dengan kos yang sama dan/atau untuk melanjutkan, memendekkan, menamatkan, membatalkan, atau menggantung Kempen ini dengan memberikan empat belas (14) hari kalendar notis terlebih dahulu kepada Peserta Yang Layak. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, sebarang pelanjutan, pemendekan, penamatan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB Bank tidak akan memberi hak kepada mana-mana Peserta Yang Layak atau mana-mana orang lain untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CIMB Bank untuk sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung dari tindakan pelanjutan, pemendekan, penamatan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.
31. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB Bank tidak akan dengan apa-apa cara bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Yang Layak jika CIMB Bank tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada kewajipannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung terhadap kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perang, mogok, rusuhan, apa-apa perbuatan Tuhan di luar kawalan CIMB Bank atau disebabkan oleh faktor apa pun dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB Bank.
32. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak bagi sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami dalam apa-apa sifat (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau apa pun timbul, berhubung dengan penyertaan atau tidak penyertaan Kempen ini termasuk timbul daripada apa-apa tidak penerimaan atau kelewatan penerimaan oleh Peserta Yang Layak atas Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") kecuali yang sama akan timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaihan melampau dan keingkaran sengaja CIMB Bank.
33. CIMB Bank menyimpan hak untuk memberi notis terlebih dahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau sebaliknya) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di sini. Notifikasi kepada Peserta Yang Layak berkenaan dengan Pindaan tersebut akan dilaksanakan di atas budi bicara mutlak CIMB Bank melalui salah satu cara komunikasi berikut, iaitu melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Bank dan cawangan CIMB Bank di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan mungkin diberi di dalam notis itu sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta yang Layak atas permintaan; atau dengan apa-apa cara lain notifikasi yang boleh dipilih oleh CIMB Bank dan Pindaan itu akan dianggap sebagai mengikat Peserta Yang Layak dari tarikh notifikasi Pindaan tersebut atau dari tarikh lain yang ditentukan oleh CIMB Bank dalam notifikasi itu. Peserta Yang Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Bank pada selang masa yang tetap untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa dikemaskinikan dengan apa-apa perubahan atau variasi terhadap terma-terma dan syarat-syarat ini.

34. Tiada pampasan dalam bentuk tunai atau apa-apa jenis diberikan kepada Peserta Yang Layak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung atas perubahan, pemadaman, penambahan atau pengubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat terkandung di sini.
35. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 33 di atas akan mengatasi apa-apa peruntukan-peruntukan atau representasi-representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat semasa Pemegang Kad yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di sini.
36. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang semasa, garis panduan, arahan, notis, peraturan-peraturan yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa pengawasan ke atas Bank berhubung dengan atau yang berkenaan dengan Kempen atau sebarang perkara yang terkandung di sini.
37. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, konflik, kesamaran atau kepincangan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau versi bahasa lain terma-terma dan syarat-syarat ini, versi terma-terma dan syarat-syarat Bahasa Inggeris akan diguna pakai. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Yang Layak dan direkod dan diakui oleh CIMB Bank dalam rekodnya bahawa versi Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kad Kredit Bahasa Malaysia telah dipilih oleh Peserta Yang Layak untuk mengawal operasi penggunaan Kad Kredit Peserta Yang Layak, maka versi terma-terma dan syarat-syarat Bahasa Malaysia yang terkandung di sini akan diguna pakai.
38. Untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Bank yang mempunyai alamat, nombor telefon dan faks (atau mempunyai alamat, nombor telefon dan faks lain di mana CIMB Bank boleh menukar secara notifikasi kepada Peserta Yang Layak): Unit Resolusi Pelanggan, Tingkat 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Tel:603 6204 7788/ Faks:603 2691 3248/cru@cimb.com.